

# SUDUT PEMBELAJARAN SENI

## TARIAN ASLI




Tarian Asli merupakan kumpulan tarian yang dicipta berasaskan lagu-lagu asli Melayu. Wujud daripada rentak dan irama Dondang Sayang tetapi Tarian Asli tidak diiringi dengan adegan berbalas pantun seperti mana yang terdapat dalam Dondang Sayang. Tarian ini boleh ditarikan secara berpasangan dan juga berkumpulan. Penari wanita menari dengan gaya yang bersopan santun dan penari lelaki juga boleh membuat gerak silat dalam ciptaan tarian. Kebiasaannya Tarian Asli ini ditarikan bersama-sama dengan peralatan tambahan seperti tudung saji, tepak sireh, keris, songket dan lain-lain. Penari berpakaian melayu. Tarian Asli merupakan kumpulan tarian yang dicipta berasaskan lagu-lagu asli Melayu. Wujud daripada rentak dan irama Dondang Sayang tetapi Tarian Asli tidak diiringi dengan adegan berbalas pantun seperti mana yang terdapat dalam Dondang Sayang. Tarian ini boleh ditarikan secara berpasangan dan juga berkumpulan. Penari wanita menari dengan gaya yang bersopan santun dan penari lelaki juga boleh membuat gerak silat dalam ciptaan tarian. Penari berpakaian melayu selengkapnya iaitu baju melayu, songkok dan bersampin bagi lelaki manakala berkebaya labuh, atau berbaju kurung bagi wanita. Antara lagu-lagu yang selalu digunapakai untuk menarikan Tarian Asli ini ialah Makan Sireh, Tudung Saji, Tudung Periuk, dan lain-lain. Perkembangan seterusnya ialah kemunculan tarian-tarian asli yang dicipta daripada lagu-lagu seperti Makan Sireh, Gunung Banang, Asli Sapu Tangan, Asli, Selendang, Bentan Telani, Asli Abadi.

# SUDUT PEMBELAJARAN SENI



Lakaran A

Pergerakan asas setempat posisi kaki lelaki dan wanita dinamakan Langkah Berjuntai sementara pergerakan posisi tangan dinamakan Lenggang Berjuntai. Asas Tarian Asli ini ada 3 ragam tari iaitu Ragam Petik Bunga, Temu Kilas Angin Silang Kaki dan Petik Bunga Berganda.




Lakaran B

## Ragam: Ragam Petik Bunga (kanan dan kiri) gerak wanita

Melenggang berjuntai dan asas setempat Langkah Berjuntai 1 X 4 , Kemudian langkah kaki kanan ke sisi kanan manakala kaki kiri susun di sebelah kaki kanan. Tangan kiri mencubit peha kiri manakala tangan kanan petik bunga dalam kiraan 5,6. Pergerakan yang sama sebelah kanan, bermula dengan kaki kiri, tangan kanan mencubit peha kanan manakala tangan kiri memetik bunga dalam kiraan 7,8 seperti dalam Lakaran B;.


# SUDUT PEMBELAJARAN SENI



**Ragam: Ragam Petik Bunga (kiri dan kanan) gerak lelaki**

Melenggang berjuntai dan asas setempat langkah berjuntai 1 X 4 , Kemudian langkah kaki kiri ke sisi kiri manakala kaki kanan disilang di belakang kaki kiri. Tangan kanan diletak di belakang pinggang manakala tangan kiri petik bunga dalam kiraan 5,6. Pergerakan yang sama sebelah kiri bermula dengan kaki kanan, tangan kiri diletak di belakang pinggang manakala tangan kanan petik bunga 7,8 seperti dalam Lakaran C;

Lakaran C



**Ragam: Ragam Temu Kilas Angin Silang Kaki (kiri dan kanan) gerak Wanita**

Badan dalam posisi merendah, silang kaki kiri di hadapan kaki kanan, temukan kedua belakang pergelangan tangan separas pinggang, buka kaki kanan dan buka kedua tangan separuh bulatan separas dada dalam kiraan 1 X 4 seperti Lakaran D;


Lakaran D



Badan dalam posisi merendah arah 45° ke kiri, kaki kiri diletakkan di hadapan kaki kanan dan tumit diangkat, kaki kanan diletakkan di belakang kaki kiri, tangan kiri dikilaskan ke atas berselang seli dengan tangan kanan sambil pandangan ekor mata melihat hujung jari tangan yang dikilaskan di paras pinggang dalam kiraan 1 x 4 seperti Lakaran E;.

Lakaran E


# SUDUT PEMBELAJARAN SENI



Lakaran F


**Ragam: Ragam Temu Kilas Angin Silang Kaki (kiri dan kanan) gerak Lelaki**

Badan dalam posisi merendah, silang kaki kanan dihadapan kaki kiri, temukan kedua belakang pergelangan tangan separas pinggang, buka kaki kiri dan buka kedua tangan separuh bulatan separas bahu dalam kiraan 1 X 4 seperti Lakaran F;



Lakaran G

Badan dalam posisi merendah arah 45° ke kanan, kaki kanan diletakkan di hadapan kaki kiri manakala kaki kiri disilangkan di belakang kaki kanan dan tumit diangkat, tangan kanan dikilaskan ke atas berselang seli dengan tangan kiri. Pandangan mata hendak mengerling kepada pasangan dalam kiraan 1 x 4 seperti lakaran G;.




Lakaran H

**Ragam:Ragam Petik Bunga Langkah Berganda (kiri dan kanan) gerak wanita**

Melenggang berjuntai dan asas setempat langkah berjuntai 1 X 4 , kemudian langkah berganda kaki kanan ke sisi kanan manakala kaki kiri susun di sebelah kaki kanan.Tangan kiri mencubit peha kiri manakala tangan kanan petik bunga dalam kiraan 5,6. Pergerakan yang sama sebelah kanan, bermula dengan kaki kiri, tangan kanan mencubit peha kanan manakala tangan kiri memetik bunga dalam kiraan 7,8 seperti di dalam lakaran H;.

## SUDUT PEMBELAJARAN SENI



Lakaran I

**Ragam: Ragam Petik Bunga Langkah Berganda (kiri dan kanan) gerak lelaki**

Melenggang berjuntai dan asas setempat langkah berjuntai 1 X 4 , kemudian langkah berganda kaki kiri ke sisi kiri manakala kaki kanan disilang di belakang kaki kiri. Tangan kanan diletak di belakang pinggang manakala tangan kiri petik bunga dalam kiraan 5,6. Pergerakan yang sama sebelah kiri bermula dengan kaki kanan, tangan kiri diletak di belakang pinggang manakala tangan kanan petik bunga 7,8 seperti di dalam lakaran I;